

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 15 Mei 2016 17:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENGAMATAN DUNIA KAMPUS FOKUS UTAMA SMK ST. MARK BUTTERWORTH
PULAU PINANG



15 MEI 2016 / 08 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**PENGAMATAN DUNIA KAMPUS FOKUS UTAMA SMK ST. MARK BUTTERWORTH
PULAU PINANG**



ANJUNG TAMU ONLINE: Sekolah perlu memainkan peranan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kerana aspek inilah yang akan menentukan kejayaan negara pada zaman sains dan teknologi yang menguasai dunia hari ini.

Sehubungan dengan keperluan negara, Sekolah Menengah Kebangsaan St. Mark (SMKSM), Butterworth, Pulau Pinang mencari inspirasi dengan mendedahkan pengalaman baru kepada pelajar pra-universiti tentang kehidupan kampus di samping Discover UUM.

Welcome Centre yang menerima lawatan tersebut berhasil salurkan informasi terkini tentang peluang kerjaya yang sesuai dengan kursus-kursus yang ditawarkan di UUM serta informasi mengenai sejarah, kepimpinan dan keistimewaan Discover UUM kepada pelajar dan guru pengiring.

Menurut Guru Kanan Pengajian Bahasa Pra-U SMKSM, Wu Siew Yong, “kami memerlukan info terkini tentang peluang dan syarat kemasukan pelajar ke UUM”.

Tambahnya lagi, “Sambutan yang amat istimewa diterima di Welcome Centre”.

“Banyak info penting diberikan dengan cara yang menarik”

“Kami amat berpuashati dengan layanan yang diberikan semasa Discover UUM, kami berharap pihak UUM akan terus menghubungi SMKSM bagi program yang menarik pada masa akan datang”.

Dalam hal ini, SMKSM mempunyai ruang mengubah cara pembelajaran dan pengajaran di sekolah berkenaan dengan cara terkini dan berkesan. Ini adalah permulaan yang baik di dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

